

23 APR 1997

PM AKAN LANCAR TVR CHIMAERA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- TVR Chimaera, kereta jenis sport berprestasi tinggi yang pertama dibuat dan dikeluarkan di negara ini akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini.

Pengeluaran kereta dua tempat duduk itu oleh TVR Sports (Malaysia) Sdn Bhd bermula pada bulan Januari, 1996 di kilangnya yang berharga RM20 juta di Klang, Selangor, kata syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini.

Pada tahun 1995 TVR Sports telah dilantik oleh TVR Engineering Ltd dari United Kingdom sebagai pembuat seberang laut yang pertama mengeluarkan kereta ini dan memasarkannya di rantau Asia Pasifik.

TVR Engineering, yang ditubuhkan pada tahun 1947, ialah pembuat kereta bebas yang terbesar di UK.

Pada masa ini, TVR Sports mengeluarkan 10 buah kereta sebulan dan bercadang untuk meningkatkan jumlahnya kepada 20 unit sebulan menjelang akhir tahun.

TVR Chimaera pula merupakan kereta yang terlaris di UK.

Dengan prestasi tinggi dan keistimewaannya, Chimaera mendapat pasaran di kalangan peminat kereta sport. -- BERNAMA

AD KY MA